

ISU DAN CABARAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DAN HAFAZAN AL-QURAN PENDIDIKAN AWAL KANAK- KANAK

Mohd Zaid bin Ismail¹, Saipolbahrin bin Ramli¹, Salmiza
binti Abd Rahim²

1 Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

2 Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah,
35900 Behrang, Perak, Malaysia

Abstrak

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang istimewa kepada umat Islam kerana setiap amal ibadah yang dilaksanakan mempunyai kaitan langsung kepada bahasa Arab. Menyedari hakikat ini, suatu kajian telah dilaksanakan untuk melihat isu dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak. Pengajaran bahasa Arab dan hafazan surah pendek telah dimasukkan dalam silibus kurikulum standard prasekolah. Hal demikian, menunjukkan pentingnya mata pelajaran ini kepada umat Islam. Namun malangnya penguasaan pelajar tadika terhadap bahasa Arab dan hafazan al-Quran berada ditahap mendukacitakan, masalah ini berpunca dari penguasaan kosa kata bahasa Arab yang lemah lalu mengakibatkan kesukaran menguasai pembelajaran bahasa Arab. Justeru, kajian ini dibuat untuk mengetahui cabaran pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran dikalangan murid pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini adalah kajian kualitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang dijalankan keatas lima orang responden iaitu pensyarah IPT dari bidang pendidikan awal kanak-kanak, bahasa Arab, tahfiz dan qiraat, dan serta guru-guru tadika. Data temubual direkod secara sistematik, ditranskripsi dan dianalisa secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas-ti 9. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat masalah dan cabaran dikalangan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran prasekolah antaranya seperti kesukaran akses rujukan berkaitan hafazan al-Quran dan bahasa Arab serta ibubapa yang meletakkan sepenuhnya tanggungjawab mendidik kepada guru. Secara implikasi, kajian ini memberi informasi berkaitan keperluan modul pengajaran hafazan dan bahasa Arab bagi membantu guru meningkatkan penguasaan subjek tersebut dalam kalangan kanak-kanak prasekolah..

Kata kunci: Isu dan cabaran, pengajaran bahasa Arab dan hafazan, awal kanak-kanak

Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Disember 2023

Diterbit: 30 April 2024

*Corresponding Author: Mohd Zaid bin Ismail, Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia;

Email: mohdzaidpsas@gmail.com

PENGENALAN

Pendidikan hafazan al-Quran telah menjadi salah satu cabang ilmu yang penting dalam kehidupan umat Islam kini. Pemeliharaan terhadap kesucian al-Quran akan meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan individu terhadap Allah SWT dan diterjemahkan melalui akal fikiran dan tindakan. Sehingga kini banyak teknik yang digunakan bagi tujuan pemeliharaan tersebut baik dari peringkat usia muda hingga dewasa (Ismail et al., 2023). Manakala pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pula tidak asing lagi di Malaysia dan ia semakin berkembang mengikut peredaran dan kehendak semasa. Proses ini berlaku pada semua lapisan masyarakat sama ada pelajar tadika, sekolah rendah, menengah, tahfiz, institusi pengajian tinggi malah kepada masyarakat awam (Fadzil et al., 2020).

Menurut Ahmad (1996) pada abad ke 17 seorang kanak-kanak yang berusia tujuh tahun telah dilayan seperti seorang dewasa. Mereka dipakaikan dengan pakaian orang dewasa, mengikut ekspresi dan tabiat seperti orang dewasa hingga menjadikan mereka seperti dewasa kerdil (*little adults*). Hal demikian, sudah pasti menuntut pendidikan berkaitan Bahasa dan hafazan al-Quran perlu diterapkan di dalam diri setiap pelajar sebagai persediaan mereka menempuhi dunia yang semakin mencabar yang menuntut daya intelek yang tinggi bagi mendepani kemodenan.

Justeru itu, untuk tujuan memperkasa dan mempelbagaikan kaedah berkaitan dengan pendidikan bahasa Arab dan tahfiz di Malaysia khususnya di peringkat pendidikan awal kanak-kanak, pengkaji mendapati adalah menjadi keperluan untuk membangunkan satu modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang mengintegrasikan elemen keperluan semasa seperti teknologi, interaktif dan inovasi. Walaubagaimanapun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran diperingkat pendidikan awal kanak-kanak yang perlu ditangani. Menurut Abdul Razif Zaini et al. (2020) terdapat masalah penguasaan kosa kata Arab yang lemah dan menyebabkan pelajar sukar untuk menguasainya (Abdul Razif Zaini et al., 2020). Hal yang serupa berlaku apabila kajian yang dilakukan terhadap penguasaan konsonan sebutan huruf arab dikalangan pelajar prasekolah berada pada tahap sederhana (Baharudin et al., 2010).

PENYATAAN MASALAH

Kurikulum Standard Prasekolah 2010 (KSPK) meletakkan intipati penting di dalam kurikulum tersebut yang menekankan perkembangan kanak-kanak melalui enam tunjang pembelajaran yang mana salah satu dari tunjang tersebut meletakkan tunjang kerohanian, sikap dan nilai. Melalui tunjang tersebut menyatakan tentang hasil yang akan diperolehi pelajar adalah dapat “mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah” (KPM, 2017).

Walaupun pengajaran berkaitan tunjang kerohanian diletakkan dalam kurikulum standard prasekolah, terdapat isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Kamisah Buang (2013) menunjukkan antara masalah dihadapi guru tadika adalah kekurangan bahan rujukan yang memberikan kesan kepada guru menjadi mahir di dalam bidang tersebut. Menurut (Siti Hidayana Nassiri, 2012; Hashim & Phang, 2013) guru yang

memiliki pengetahuan dan kefahaman yang lemah mengenai sesuatu kandungan akan menghadapi masalah apabila ingin mengajar sesuatu mata pelajaran. Kenyataan diperkuatkan lagi apabila didapati guru tidak mengetahui teknik dan kaedah terkini yang perlu dilakukan bagi memastikan pelajar dapat menghafaz dengan baik (Abdullah, 2009). Ini menyebabkan guru tahfiz mengajar berdasarkan pengalaman mereka semata-mata tanpa mengikut kaedah khusus yang telah ditetapkan oleh institusi (Hashim, 2017).

Masalah ini turut memberi kesan kepada guru-guru prasekolah dalam teknik pengajaran. Akibatnya, suasana pembelajaran di dalam kelas membosankan. Menurut (Siew, 2007; William, 2008;) kesan jangka masa panjang menyebabkan pelajar tidak berminat untuk hadir ke kelas dan menimbulkan suatu masalah pembelajaran samada ketika mereka berada di prasekolah atau ketika di tahun satu. Perkara ini disokong Latifah Khuzaimatul dan Zainab Habib (2014) mengatakan anak-anak akan menjadi sukar untuk memberikan perhatian disebabkan salah satunya adalah pengajaran guru yang tidak menarik dan membosankan. Pemilihan guru yang tidak memiliki iktisad akan mempengaruhi kemampuan mengajar guru tersebut di dalam kelas dan lebih membimbangkan guru sukar memahami psikologi kanak-kanak (Gawis, 2007).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Mengenalpasti permasalahan dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak.

KEPUTUSAN & PERBINCANGAN

Tunjang kerohanian yang merangkumi hafazan al-Quran dan pembelajaran bahasa Arab merupakan suatu kandungan pelajaran yang ditekankan oleh pihak kerajaan. Ini dibuktikan oleh apa yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah 2017 (KSPK) dan Strategi Dasar Pendidikan Tahfiz Negara meletakkan 5 teras utama antaranya menyatakan bahawa pembangunan kurikulum tahfiz itu perlu memberi perhatian kepada pembangunan ummah dengan mempertingkatkan kemahiran serta keupayaan guru melalui latihan dan model dari peringkat pra sekolah (JAKIM, 2021). Namun malangnya penguasaan pelajar terhadap bahasa arab dan hafazan al-Quran berada ditahap mendukacitakan, masalah ini berpunca dari penguasaan kosa kata Arab yang lemah dan mengakibatkan kesukaran menguasai pembelajaran bahasa Arab (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Norizah Tukiman et al., 2017).

Hal ini menurut Aprizal (2021) bahasa Arab perlu dipelajari bermula peringkat awal kanak-kanak bertujuan untuk memudahkan pemahaman al-Quran dan hadis kerana kitab utama tersebut ditulis dalam bahasa Arab. Masalah yang timbul apabila tahap penguasaan bahasa Arab dikalangan pelajar berada ditahap lemah oleh kerana mereka tidak mampu untuk menguasai kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Perkara ini dijelaskan oleh kajian Hairun Najuwah Jamali et al. (2017) sebab kelemahan penguasaan bahasa Arab adalah teknik pengajaran guru

kurang berkesan. Menurut Anuar Ahmad dan Nelson Jinggan (2015) guru perlulah memiliki kemahiran dan kompetensi bagi mengajar sesuatu pelajaran agar proses pembelajaran itu menjadi menarik dan berkesan. Ini bertepatan kajian Hazrul Affendi Mohamad Razali (2020) menyatakan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab berada ditahap rendah oleh kerana teknik pengajaran yang digunakan perlulah sesuai dengan matlamat dan objektif pembelajaran.

Hakikatnya, kajian yang dilakukan oleh Kamisah Buang (2013) menunjukkan antara masalah dihadapi guru tadika adalah kekurangan bahan rujukan yang memberikan kesan kepada guru menjadi mahir di dalam bidang tersebut. Kekurangan bahan bantu mengajar juga akan menyebabkan guru tadika tidak dapat melaksanakan proses pembelajaran dengan baik dan berkesan (Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Noor Baizura Wan Mohamad Noor, 2018).

Menurut (Zulkefli Hashim & Fatin Aliah Phang, 2013; Siti Hidayana Nassiri, 2012) guru yang memiliki pengetahuan dan kefahaman yang lemah mengenai sesuatu kandungan akan menghadapi masalah apabila ingin mengajar sesuatu mata pelajaran. Kenyataan diperkuatkan lagi apabila didapati guru tidak mengetahui teknik dan kaedah terkini yang perlu dilakukan bagi memastikan pelajar dapat menghafaz dengan baik (Abdul Rahman Abdullah, 2009). Ini menyebabkan guru tahfiz mengajar berdasarkan pengalaman mereka semata-mata tanpa mengikut kaedah khusus yang telah ditetapkan oleh institusi (Aznil Hashim, 2017).

METODOLOGI

Sampel

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan pakar dari institusi yang berlainan tentang isu dan masalah pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak. Pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai lima orang yang terlibat dalam proses temu bual dan jumlah ini memiliki kebolehpercayaan yang tinggi (Spencer, 1993). Pemilihan pakar bagi kajian ini melibatkan 2 pensyarah Universiti awam dalam bidang bahasa Arab dan pendidikan awal kanak-kanak. Seorang dari pakar lagi adalah dalam bidang tahfiz dari Darul Quran, Jakim. Manakala dua orang pakar lagi adalah guru pendidikan awal kanak-kanak Tadika Islam swasta yang bertugas dalam bidang pendidikan Islam melebihi 10 tahun.

Prosedur Kajian

Proses pengumpulan data kaedah temubual pula melibatkan pertemuan secara individu antara pengkaji dan pakar melibatkan pensyarah Universiti dan Darul Quran, JAKIM. Manakala yang melibatkan pakar dari kalangan guru tadika pula pengkaji telah menganjurkan program perbengkelan bagi menjemput guru-guru tadika untuk berkongsi pengalaman berkaitan program tahfiz. Dari pertemuan perbengkelan tersebut pengkaji telah memilih guru tadika yang memenuhi syarat kelayakan sebagai pakar bagi dijadikan responden dalam kajian ini. Selain itu semua responden yang dipilih, terlebih dahulu akan menenrима surat lantikan pakar dari pihak universiti.

Analisis Data

Data temubual dianalisa secara tematik dengan membuat transkripsi dan perekodan dengan menggunakan perisian Atlas-ti 9. Seterusnya, data diproses dengan mengimbas dan membandingkan untuk mencari persepsi yang sama atau berbeza. Sebarang maklumat yang kurang jelas atau corak penemuan abstrak yang berulang turut dicatat (Merriam & Tisdell, 2015). Seterusnya, perisian komputer Atlas-ti 9 telah digunakan dalam menganalisis data secara induktif iaitu dengan mentafsirkan data mentah yang khusus kepada satu kesimpulan (Merriam & Grenier, 2019) bagi menjawab persoalan kajian dan memenuhi tujuan kajian ini.

DAPATAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat isu dan cabaran dalam proses pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran terhadap murid pendidikan awal kanak-kanak. Semua pakar yang ditemubual telah memberikan justifikasi tentang isu-isu yang timbul di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran peringkat pendidikan awal kanak-kanak sehingga memberikan kesan terhadap penguasaan subjek tersebut. Berikut merupakan pandangan pakar yang ditemubual mengenai isu dan cabaran dalam proses pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak.

Profil Peserta

Jadual 1 : Profil Peserta

BIL.	LATAR BELAKANG	ITEM	KEKERAPAN
1	Jantina	Lelaki	3
		Perempuan	2
2	Bidang kerja	Pensyarah (Bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak)	1
		Pensyarah (Bidang Bahasa Arab)	1
		Pensyarah (Bidang Tahfiz)	
		Guru Tadika	1
3	Pengalaman mengajar	8 tahun	2
		9 tahun	1
		18 tahun	2
		21 tahun	1
4	Kelayakan akademik tertinggi	Doktor falsafah	3
		STPM	2

Dapatan Temu Bual

Dapatan kajian daripada hasil temu bual tersebut yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran terhadap pendidikan awal kanak-kanak sebagaimana berikut :

- a. Bahan rujukan modul berkaitan hafazan al-Quran dan kosa kata bahasa Arab peringkat pendidikan awal kanak-kanak sukar untuk diperolehi di kedai buku.
- b. Guru sukar mengajar mata pelajaran berkaitan bahasa Arab peringkat pendidikan awal kanak-kanak kerana penguasaan kosa kata bahasa Arab yang lemah.
- c. Sukar untuk memilih bahan rujukan yang benar-benar sesuai bagi peringkat pendidikan awal kanak-kanak kerana rujukan tersebut kebanyakan diperolehi di internet.
- d. Buku rujukan yang diperolehi di kedai buku perlu disaring dan dipilih dengan berhati-hati kerana tidak semua buku bidang bahasa Arab dan hafazan sesuai peringkat pendidikan awal kanak-kanak.
- e. Pengajaran dan pembelajaran menjadi sukar apabila ada dari kalangan murid masih lemah penguasaan pembendaharan kata.
- f. Cabaran yang dihadapi guru dalam mengenalpasti pencapaian murid pendidikan awal kanak-kanak yang berbeza mengikut keupayaan dan tahap umur.
- g. Ibubapa yang memaksa guru untuk mencapai kemajuan anak mengikut apa yang ibubapa kehendaki dan bukan dari apa yang guru perlu sampaikan.
- h. Sukatan pelajaran KSPK kurang jelas dan berkesan berbanding peringkat sekolah rendah dan menengah mengakibatkan pendekatan pengajaran mengikut pengalaman pengusaha tadika semata-mata.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua pakar yang ditemu bual terdiri daripada pensyarah dan guru tadika. Mereka mempunyai pengalaman mengajar melebihi 8 tahun dan pakar yang diipilih juga majoritinya adalah mempunyai kelayakan Doktor Falsafah. Dalam hal ini, pensyarah dan guru ini dikira sebagai tenaga pengajar terlatih dan berpengalaman serta bersedia untuk membawa tugas-tugas dan tanggung jawab keguruan, tidak mengalami kejutan realiti (Yusof Ahmad 2008). Pemilihan pakar kajian adalah berdasarkan kepada hujah Dalkey dan Helmer (1963) bahawa pakar dipilih hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dan kefahaman yang mendalam di dalam konteks kajian. Pandangan ini adalah seiring dengan cetusan daripada Swanson & Holton (2008) yang turut mengutarakan bahawa pakar adalah dikategorikan sebagai mereka arif, berpengetahuan dan mahir di dalam sesuatu bidang yang dikaji.

Seterusnya dapatan menunjukkan bahawa rujukan yang menjadi sumber bagi proses pengajaran guru sukar untuk diperolehi dalam bidang bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Kamisah Buang (2013) menunjukkan antara masalah dihadapi guru tadika adalah kekurangan bahan rujukan yang memberikan kesan kepada guru menjadi mahir di dalam bidang tersebut. Kekurangan bahan bantu mengajar juga akan menyebabkan guru tadika tidak dapat melaksanakan proses pembelajaran dengan baik dan berkesan (Abdul Rahman & Wan Mohd Noor, 2018). Kesannya

mungkin mengakibatkan kesukaran guru untuk belajar sehingga menyebabkan guru gagal meningkatkan kosa bahasa Arab dan akhirnya guru tidak dapat menguasai pengajaran bagi subjek ini. Hasil dari dapatan berkaitan buku rujukan juga menunjukkan apabila kurangnya rujukan berkaitan bidang tersebut memberi kesan kepada kesesuaian buku yang ada samada boleh digunakan kepada murid prasekolah ataupun tidak.

Pengajaran guru juga menjadi sukar apabila murid prasekolah ada yang masih lemah di dalam penguasaan pembendaharan kata. Akibatnya komunikasi antara guru dan murid sukar dilaksanakan dan guru terpaksa bekerja keras memperbaiki pertuturan murid sebelum proses pengajaran berkaitan bahasa Arab dan hafazan al-Quran dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dapatan ini disokong oleh Ahmad et. al (2016) murid yang mengalami masalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan menyukarkan proses pengajaran guru dalam memenuhi pencapaian yang terdapat dalam matlamat kurikulum yang digariskan. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat cabaran dalam proses pengajaran apabila dalam mengenalpasti pencapaian murid pendidikan awal kanak-kanak yang berbeza mengikut keupayaan dan tahap umur mereka. Selain itu terdapat sukatan pelajaran KSPK kurang jelas dan berkesan berbanding peringkat sekolah rendah dan menengah mengakibatkan pendekatan pengajaran mengikut pengalaman pengusaha tadika semata-mata. Menurut Jackie et al. (2017) ciri-ciri guru berkualiti adalah guru yang memiliki pengetahuan dan kemahiran mengenai kandungan mata pelajaran yang ingin diajar. Justeru itu, amat malang sekiranya kurikulum yang ada gagal dimanfaatkan oleh guru disebabkan masalah kandungan kurikulum itu sendiri yang kabur dan kurang berkesan.

KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran pendidikan bahasa Arab dan hafazan al-Quran peringkat pendidikan awal kanak-kanak tidak boleh dipandang ringan kerana kesannya akan dibawa keperingkat seterusnya. Guru yang bertanggung jawab mengajar dan membimbing mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesulitan berbanding dengan mereka yang mengajar murid peringkat rendah dan menengah. Walaupun mereka masih diperingkat awal usia, mereka tetap mempunyai potensi dan berpeluang untuk menguasai bidang bahasa Arab dan hafazan al-Quran sebagai asas bekalan dalam menjalani kehidupan sebagai muslim dalam hakikat pengabdian diri kepada Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Abdullah, A. R. (2009). *Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sek. Men. Keb. Agama di Negeri Selangor* [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Abdul Rahman, M. N. & Wan Mohd Noor, W. N. B. (2018). Pelaksanaan kurikulum prasekolah kebangsaan semakan 2017: Retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3).
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). *Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sek. Men. Keb. Agama di Negeri Selangor* [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

- Abdul Razif Zaini, Rosfazila & Yakob. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135.
- Ahmad, A. (1996). Work-family conflict among married professional women in malaysia. *Journal of Social Psychology*, 136(5), 663–665. <https://doi.org/10.1080/00224545.1996.9714054>
- Ahmad, N. A., Mahamod, Z., & Aziz, Z. (2016). Pengajaran kemahiran komunikasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 11-18.
- Aprizal, A. P. (2021). Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru*, 2(2).
- Azmil Hashim, (2017). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28-39.
- Baharudin, N. M. R., Baharudin, H. & Mahamod, Z. (2010). Tahap Sebutan Huruf Konsonan Arab dalam Kalangan Murid Prasekolah. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 35(1).
- Dalkey, N. C., & Helmer, O. (1963). An experimental application of the Delphi method to the use of experts. *Management Science*, 9(3), 458-467.
- Fadzil, N. A., Zahidi, M. D. A., Norbit, A. N., & Jaafar, N. (2020). Hubungan Di Antara Persepsi Dengan Sikap Dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 48-63.
- Gawis, L. (2007). Cabaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran muzik dalam kurikulum prasekolah. <http://eprints.ums.edu.my/9135/1/mt0000000360.pdf>.
- Hashim, A. (2017). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28-39.
- Hashim, Z. & Phang, F. A. (2013). 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) dalam Amalan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Guru Fizik Tingkatan Enam. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, S., Mustafa, N. M., Shahrudin, S. A., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2023). Teknik Hafazan Al-Quran Pra Sekolah Menerusi Aplikasi Digital. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 209-224.
- Jackie, A. Z. M., Ghani, M. F. A., & Elham, F. (2017). Keberkesanan pengajaran guru tadika: Satu kajian awal. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 72-95.
- Kamisah Buang. (2013). Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Melayu prasekolah berbantuan multimedia. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Latifah, Khuzaimatul, and Zainal Habib. (2014). Hubungan persepsi terhadap keterampilan guru mengajar dengan konsentrasi belajar siswa di Darul Karomah Randuagung Singosari Malang. *Psikoislamika: Jurnal Psikologi Dan Psikologi Islam*, 11(1), 15–22.
- Mohmad Razali Hazrul Affendi. (2020). Elemen pengajaran berkesan Bahasa Arab. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 5(1).

- Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor. (2018). Pelaksanaan kurikulum prasekolah kebangsaan semakan 2017: Retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3).
- Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, Zaharah Hussin. (2014). Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah dan Doa Kanak-kanak Prasekolah melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1).
- Spencer, L. M. & Spencer, S. M. (1993). *Competence at Work: Models for Superior Performance*. Wiley.
- Siti Hidayana Nassiri. (2012). *Kajian kes terhadap amalan pengetahuan teknologi pedagogi dan kandungan (ptpk) guru fizik Johor Bahru* [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siew, Siew Kim. (2007). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah untuk komponen kognitif: Satu Kajian Kes* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Swanson, R. A. & Toracco, R. J. (1994). *The History of Technical Training*. The American Society for Training and Development (ASTD). McGraw-Hill.
- Zulkefli Hashim dan Fatin Aliah Phang. (2013). 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) dalam *Amalan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Guru Fizik Tingkatan Enam*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.